



ALBUM KENANGAN ... Merakam kenangan selepas berakhirnya majlis, semua pensyarah bergambar bersama.

Perubahan teknologi semasa bawa pendidik teroka cara baharu dalam pengajaran

NST 10.11.2019 5

KOTA KINABALU: Perubahan teknologi semasa turut membawa para pendidik meneroka cara baharu untuk mengaplikasikan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya di peringkat universiti.

Pengarah Pusat E-Pembelajaran Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. Fong Soon Fook berkata cara pembelajaran masa kini menuntut usaha yang lebih kreatif untuk disampaikan kepada pelajar dan mampu diakses oleh para pelajar dengan mudah walau di mana sahaja.

"Teknologi kini menuntut kita untuk lebih ke depan dalam pembelajaran dan

menjadikan pendidikan kita secara global untuk memberi akses kepada semua," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Makan Malam Anugerah E-Pembelajaran 2019 disini pada Jumaat malam.

Menurut Fong, UMS sebagai sebuah universiti tempatan komited dalam usaha untuk memberi pendidikan dan pengisian akademik yang cemerlang yang mampu diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Katanya UMS terus berusaha untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya secara dalam talian.

"Kita sememangnya dalam usaha dan sedang berada dalam proses untuk meningkatkan ketercapaian pembelajaran khususnya dalam bentuk e-learning," katanya lagi.

Hadir merasmikan acara tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Rasid Mail.

Rasid turut menyampaikan anugerah kepada pensyarah-pensyarah UMS yang cemerlang daripada pelbagai fakulti termasuk daripada UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan UMS Kampus Sandakan. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**